

Newspaper	Berita Harian
Date	28 August 2015

Manfaat masjid jana kesejahteraan umat

BH- 28/8/2015

» **Seri Paduka mahu institusi diimarahkan dengan program sesuai**

Oleh Mohd Hamizar Hamid
mizar@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Umat Islam disaran mengimarahkan masjid dengan pelbagai program sesuai keperluan semasa kerana institusi itu mampu menjadi benteng kepada perpecahan dan permusuhan dalam kalangan masyarakat.

Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah, bertitah institusi masjid turut berperanan sebagai penyelesaian kepada cabaran dalam masyarakat, termasuk keruntuhan akidah serta moral.

"Beta gembira dengan wujudnya kesepakatan dan kefahaman itu. Ia menghasilkan kesan yang amat besar dalam kerangka menjadikan institusi masjid sebagai medan membangun dan membina kesejahteraan umat Islam sepanjang zaman," titah baginda ketika merasmikan sambutan Jubli Emas Masjid Negara, di sini, semalam.

Yang turut berangkat, Raja Permaisuri Agong, Tuanku Haminah, Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak dan isteri, Datin Seri Rosmah Mansor; Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi serta Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharom turut hadir.

Contoh masjid dunia

Sambutan yang bertemakan 'Memancar Syiar Mengukuh Perpaduan' itu sempena 50 tahun Masjid Negara yang mula dibina pada tahun 1963 dan siap sepenuhnya pada 27

“**Institusi masjid turut berperanan sebagai penyelesaian kepada cabaran dalam masyarakat, termasuk keruntuhan akidah serta moral**”

Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah,
Yang di-Pertuan Agong

Ogos 1965.

Seri Paduka juga bertitah, Masjid Negara yang didirikan sejak 50 tahun lalu banyak berjasa kepada negara.

Masjid Negara menjadi lambang syiar Islam negara dan keindahan seni bina yang memancarkan keunggulan seni bina Melayu-Islam yang sangat unik dan mengagumkan.

"Setiap hari pelbagai lapisan masyarakat dari dalam dan luar negara tidak putus-putus mengunjunginya.

"Alhamdulillah, Masjid Negara berjaya mempamerkan imej Islam di negara yang aman dan maju. Semua ini membuktikan Masjid Negara menjadi sumber pembangunan Islam dan pencetus keharmonian hidup rakyat di Malaysia," titahnya.

Bersama jaga kesucian

Justeru, baginda menyarankan kerajaan dan rakyat sentiasa menjaga kedudukan dan kesucian Masjid Negara sebagai warisan negara.

Titahnya, Masjid Negara yang terkenal di seluruh dunia sewajarnya diurus berdasarkan model pengurusan yang cemerlang, sekali gus dijadikan contoh semua masjid seluruh negara.

Seri Paduka turut melancarkan buku Masjid Negara serta syiling peringatan dan setem khas sempena sambutan itu.